

16 MAR 1997

PELATIH PUSAT GIAT MARA DIKETENGAH SEBAGAI USAHAWAN

JELI, 16 Mac (Bernama) -- Setiap Pusat Giat MARA telah diminta mencalonkan 10 orang penuntut atau bekas pelajar cemerlang pusat itu untuk diketengahkan sebagai usahawan berdasarkan program Kementerian Pembangunan Usahawan.

Timbalan menteri berkenaan Haji Idris Jusoh berkata mereka yang terpilih akan diberi bantuan kewangan dan latihan keusahawanan sehingga berjaya ke tahap yang lebih tinggi dalam bidang masing-masing.

"Kepakaran dan kemahiran pelatih pusat itu dalam bidang teknikal tidak boleh diketepikan, malah hasil kreativiti mereka lebih baik daripada syarikat pengeluaran yang sedia ada," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Bengkel Inkubator Pusat Giat MARA di sini semalam.

Katanya dengan memberi peluang kepada mereka yang terpilih dalam latihan keusahawanan akan membolehkan mereka membuka bengkel sendiri dan secara tidak langsung menjadi penyumbang kepakaran dalam bidang kemahiran teknikal.

Idris juga berkata sementara itu pelatih-pelatih pusat tersebut akan didedahkan dengan Koridor Raya Multimedia (MSC) sebagai menghadapi cabaran teknologi terkini.

Beliau berkata antara tujuan pendedahan kepada MSC itu adalah sebagai menyahut saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar generasi bermaklumat dan berpengetahuan dalam pelbagai bidang dapat diwujudkan. -- BERNAMA

ZT MAI